

Alkitab untuk Anak-anak
memperkenalkan



Putera yang
Menjadi
Gembala



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes
Alastair Paterson

Digambar oleh: M. Maillot, Lazarus
Alastair Paterson

Disadur oleh: E. Frischbutter, Sarah S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2023 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.



Di suatu hari Musa melihat seorang Mesir memukul anak hamba Yahudi. Walaupun Musa dibesarkan dan dididik sebagai putera raja di istana Firaun, dia masih seorang Yahudi.

Dia mesti membantu sesama Yahudi.



Sekilas pandang ke sekelilingnya memastikan tiada siapa yang melihat, Musa lalu menyerang orang yang memukul budak itu. Pergaduhan diteruskan dengan kematian orang Mesir itu. Segera Dia menguburkan orang Mesir itu.



Keesokan harinya, Musa melihat dua orang Yahudi sedang bertengkar. Dia cuba memisahkan mereka. Seorang berkata "Adakah kamu akan membunuh saya seperti kamu membunuh orang Mesir?" Musa takut. Semua orang tahu tentang kejadian semalam. Firaun tahu. Musa terpaksa melarikan diri. Dia pergi ke sebuah negeri bernama Midian.



Semasa Musa sedang berehat di satu sumber air, tujuh anak perempuan imam di Midian datang untuk mengambil air untuk diminum ternakan bapanya.



Para gembala yang lain cuba menolak wanita itu ke tepi. Musa melindungi dan menolong wanita itu.



"Awal kalian pulang" Rahuel, bapa kepada perempuan itu berseru. Apabila dijelaskan anak-anaknya mengapa, dia berkata, "Bawa anak lelaki itu ke sini". Musa tinggal bersama Rehuel, yang juga dipanggil Yitro.

Selepas itu Musa berkahwin dengan anak perempuan tertua Rehuel.



Kembali ke Mesir,
Firaun telah meninggal.
Anak-anak Allah, Bangsa
Yahudi masih lagi hamba.



Betapa mereka
merungut dalam
kesusahan mereka.



Bagaimana mereka berdoa kepada Tuhan untuk pertolongan-Nya. Dan Tuhan mendengar doa mereka.



Musa tidak tahu, tetapi rancangan Tuhan adalah menggunakan dia untuk menolong hamba-hamba Yahudi. Empat puluh tahun telah berlalu sejak Musa meninggalkan tanah Mesir. Dia menjadi gembala untuk ternakan Rehuel. Tetapi dia sentiasa merasa rindu akan

bangsanya sendiri iaitu orang-orang Yahudi yang tinggal di Mesir.



Pada suatu hari Musa melihat sekumpulan dahan yang terbakar. Tetapi api itu tidak membakar dahan-dahan itu. Musa memutuskan untuk menyiasatnya.



Ketika Musa mendekatinya, Tuhan memanggilnya dari dahan-dahan. "Musa!" "Saya di sini," kata Musa. "Janganlah terlalu dekat," Tuhan berseru. "Tanggalkan kasut-mu, kerana tempat di mana kamu berdiri ini adalah tanah suci."



"Aku akan mengutus kamu kepada Firaun untuk membawa umat-Ku keluar dari Mesir," Tuhan berseru. Tetapi Musa takut untuk pergi ke Mesir.



Kemudian Allah menunjukkan kepada Musa kuasa-Nya. Dia mengubah tongkat Musa menjadi ular.



Apabila Musa memegang ekor ular itu dan mengangkatnya, ular itu kembali menjadi tongkat.

Allah memberikan satu lagi tanda.




"Letakkan tanganmu di dadamu," Dia memerintahkan Musa. Musa melakukan seperti yang diperintahkan kepadanya. Tangannya menjadi putih seperti dijangkiti kusta.



Apabila Musa mengulangi gerakan tangannya, dia sembuh.



Musa masih tidak bersetuju. "Saya tidak pandai berbicara," kata Musa kepada Tuhan. Tuhan marah. "Saya akan menggunakan Harun, saudaramu, untuk bercakap apa sahaja yang kau mau katakan," kata-Nya.



Musa kembali ke Yitro, mengemas barang-barangnya dan berangkat ke Mesir.



Tuhan memimpin Harun, saudara Musa, menemuinya di pergunungan. Musa memberitahu semua rancangan Tuhan tentang bagaimana membebaskan orang Yahudi daripada orang Mesir kepada Harun.



Bersama-sama, mereka membawa berita itu kepada para pemimpin orang Yahudi. Apabila Musa menunjukkan tanda-tanda kepada para pemimpin bangsa Yahudi, mereka tahu Tuhan akan menolong mereka.


Bersama-sama, mereka bersujud menyembah Allah.




Dengan gagah Musa dan Harun menghadap Firaun. "Allah berkata 'Bebaskan bangsa ku'," kata mereka ke Firaun.



"Aku tidak akan membebaskan orang Israel," Firaun menjawab. Dia tidak taat kepada Allah.



Tuhan terpaksa menggunakan kuasa-Nya yang besar untuk mengubah pemikiran Firaun.



Putera yang Menjadi Gembala

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Keluaran 2-5

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130



TAMAT



Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

